**LAMPIRAN J**

## BORANG INVENTORI PROJEK PELAJAR

| PERKARA | MAKLUMAT<br>*INFORMATION* |
|---|---|
| Program<br>*Program* | DAT |
| Jabatan<br>*Department* | PERDAGANGAN |
| Semester/ Tahun<br>*Semester/ Year* | LIMA |
| Tajuk Projek<br>*Project Title* | FAKTOR PEMBELIAN MAKANAN VIRAL DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA |
| Jenis Projek<br>*Type of Project* | PENYELIDIKAN |
| Kategori Kluster Penyelidikan<br>*Category/ research Cluster* | SAINS SOSIAL |
| Ahli Kumpulan<br>*Group member* | 1. NOOR HARISA LIYANA BINTI HARIS FADILAH 990222-10-5744<br>2. NUR ALIA NATASHA BINTI ABDUL RAHMAN 990923-01-6218<br>3. NURAINI BINTI ABU BAKAR 960515-01-6828<br>4.<br>5. |
| Penyelia<br>*Supervisor* | CIK SUHAILA BINTI MAT NOR<br>801110-06-5500 |
| Penyelia Bersama<br>*Co-Supervisor* | |
| Abstrak<br>*Abstract* | ABSTRAK<br><br>Makanan viral adalah makanan yang sedang menjadi fenomena sehingga menjadi topik hangat yang dibincangkan oleh masyarakat di media sosial. Kuasa viral menyebabkan ramai yang sanggup memandu hingga ke negeri lain semata-mata untuk merasai sendiri 'kesedapan' makanan viral ini. Namun begitu, makanan viral bukan sahaja menjadi sebuah fenomena zaman ini, bahkan ia menjadi bualan masyarakat apabila terdapat isu-isu berkaitan makanan viral dari aspek keselamatan, kebersihan, kualiti dan lain-lain. Walaupun terdapat pelbagai isu berkaitan dengan makanan viral ini, permintaan terhadap makanan viral masih |

| | |
|---|---|
| | lagi tinggi. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor pembelian makanan viral dalam kalangan pelajar khususnya pelajar- pelajar Politeknik Merlimau Melaka. Faktor dalam kajian ini merujuk kepada faktor harga, faktor kualiti dan faktor trend. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Sebanyak 351 set soal selidik telah diperolehi daripada pelajar Politeknik Merlimau Melaka. Data tersebut dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor mempunyai nilai min pada tahap yang tinggi iaitu faktor harga dengan min 4.07, faktor harga dengan min 4.26 dan faktor trend dengan min 4.15. |
| Keyword<br>*Keyword*<br>(max 5 word) | MAKANAN, VIRAL, TREND, KUALITI, HARGA |
| Objektif Projek<br>*Project Objectives* | Objektif kajian<br>1 Mengenal pasti harga sebagai faktor terhadap pembelian makanan viral dalam kalangan Pelajar Politeknik Merlimau.<br>2Mengenal pasti kualiti sebagai faktor terhadap pembelian makanan viral dalam kalangan Pelajar Politeknik Merlimau.<br>2 Mengenal pasti trend sebagai faktor terhadap pembelian makanan viral dalam kalangan Pelajar Politeknik Merlimau. |
| Skop Projek<br>*Project scope* | Kajian ini berjalan di Politeknik Merlimau Melaka. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar Politeknik Merlimau dan dipilih secara sistematik mengikut pelajar-pelajar daripada jabatan.. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor pembelian pembelian makanan viral dalam kalangan pelajar Politeknik Merlimau untuk faktor harga, faktor kualiti dan faktor trend. |

<table>
<tr><td>IP No</td><td></td></tr>
<tr><td>Dapatan<br>Finding<br>(500 words max)</td><td>Dalam bahagian ini, dapat dilihat hasil kajian yang diprolehi daripada ketiga – tiga persoalan kajian yang akan menentukan perbandingan dari nilai skor min yang menunjukkan tahap faktor harga, tahap faktor kualiti dan tahap faktor trend dalam pembelian makanan viral dalam kalangan pelajar Politeknik Merlimau Melaka. Min bagi keseluruhan item adalah mengikut persoalan kajian terhadap tahap- tahap tersebut berdasarkan jadual 13 Daripada jadual ini, dapat dinyatakan bahawa kebanyakkan responden bersetuju dengan faktor pembelian makanan viral yang merupakan berada di tahap yang tinggi.<br><br>Jadual 13 : Analisis Skor Min Keseluruhan Bagi Persoalan Kajian.<br>
<table>
<tr><th>NO.</th><th>ITEM SOALAN</th><th>SKOR MIN</th><th>TAHAP</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Faktor Harga</td><td>4.07</td><td>Tinggi</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Faktor Kualiti</td><td>4.25</td><td>Tinggi</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Faktor Trend</td><td>4.15</td><td>Tinggi</td></tr>
</table>
<br>Berdasarkan jadual 13 tersebut, ia menunujukkan nilai skor min keseluruhan bagi menjawap persoalan kajian. Persoalan kajian bagi item soalan faktor kualiti merupakan item soalan yang paling tinggi skor min iaitu 4.25, berbanding item soalan faktor harga dan item soalan faktor trend di mana item soalan faktor harga mendapat nilai skor min 4.07 iaitu skor min yang terendah, Desy Irana Dewi Lubis (2017) menyokong harga merupakan beban atau nilai bagi pelanggan memperoleh dan menggunakan sesuatu produk, termasuk dalam kalangan pelajar. Manakala item soalan faktor trend pula mendapat nilai skor min sebanyak 4.15. Ini menunjukkan bahawa pada keseleluruhan persoalan kajian, responden menyatakan bahawa faktor kualiti merupakan faktor yang lebih penting dalam pembelian makanan viral.</td></tr>
<tr><td>Cadangan untuk kerja-kerja akan datang<br>Suggestion for future work<br>(500words)</td><td>Pengkaji mencadangkan agar kajian ini dilanjutkan dan dikembangkan lagi pada masa hadapan. Terdapat beberapa pandangan dikemukakan dengan harapan dapat membantu pengkaji yang lain untuk meneruskan kajian tentang pembelian makanan viral dikalangan pelajar Politeknik Merlimau Melaka di masa hadapan. Oleh itu, berikut merupakan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh pengkaji lain:<br>1 Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan pelajar yang menggemar dalam membeli makanan viral di Melaka, kajian lanjutan disarankan dilakukan terhadap masyarakat setempat dengan memberi tumpuan kepada pembelian makanan viral di semenanjung Malaysia. Ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh dalam skop yang besar.<br>2 Kaedah pengumpulan data yang dilakukan bergantung kepada soal selidik semata-mata. Oleh itu, pengkaji masa akan datang, dicadangkan supaya dapat menambahkan cara pengkajian dengan menggunakan kaedah temuduga dan pemerhatian disamping dengan borang soal selidik yang diberikan.<br>3 Disarankan supaya pengkaji di masa depan dapat memperluaskan penyataan dalam setiap aspek soal selidik bagi mempertingkatkan keseimbangan dan kebolehpercayaan yang lebih kukuh.</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| Gambar berkaitan projek<br>*Picture related to project* (700kb) | | |
| Rating/Level | POLITEKNIK | |

**

*Borang ini perlu diisi oleh pelajar dan dihantar kepada penyelia/ penyelaras projek dalam bentuk hardcopy dan softcopy (borang LAMPIRAN J) dan gambar hasil projek dalam format jpeg/bitmap) bersama laporan akhir dan hasil projek.*